



MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH DARUL AMAN

KENYATAAN TAWARAN SEWAAN TAPAK DATARAN STADIUM KULIM

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemohon-pemohon yang berminat dan mematuhi syarat-syarat permohonan untuk menyewa tapak Dataran Stadium Kulim sempena Karnival Aidilfitri Tahun 2026 :

BUTIRAN TAWARAN	LOKASI TERIMAAN BORANG	TARIKH TUTUP TAWARAN
NO. TAWARAN: MPKK.JP/BP(ST) 2025(96) CADANGAN BAGI SEWAAN TAPAK DATARAN STADIUM KULIM SEMPENA KARNIVAL AIDILFITRI TAHUN 2026	PETI JABATAN PERBENDAHARAAN NO 1, LEBUH BANDAR 2, BANDAR PUTRA, 09000 KULIM KEDAH DARUL AMAN	1 JANUARI 2026 (KHAMIS) 12.00 TENGAHARI

2. **KELAYAKAN**
Pemohon mestilah warganegara Malaysia 18 tahun dan keatas (penduduk tempatan) akan diberi keutamaan.
3. **CARA MEMOHON**
Pemohon hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Permohonan Bazaar Aidilfitri** yang boleh diperolehi bersama-sama kenyataan tawaran ini.
4. **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**
Pemohon tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat Majlis Perbandaran Kulim seperti di lampiran.
5. **DOKUMEN DIPERLUKAN**
 - i. Sekeping gambar pemohon berukuran passport.
 - ii. Salinan kad pengenalan pemohon
 - iii. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (SSM)
6. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**
Cadangan Tawaran Sewaan yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan **sebelum atau pada 01 Januari 2026 jam 12.00 tengah hari** melalui serahan tangan (bersampul dan berlakri/bermetri) dengan nombor tawaran ditulis dipenjuru kiri atas sampul serta cadangan tawaran sewaan dimasukkan ke dalam peti cadangan yang disediakan di Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Kulim.
7. **PEMILIHAN**
Hanya permohonan yang lengkap akan di panggil bagi tujuan perbincangan lanjut oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Perbandaran Kulim.

**CADANGAN BAGI SEWAAN TAPAK DATARAN STADIUM KULIM
SEMPENA KARNIVAL AIDILFITRI TAHUN 2025**

BIL	PERKARA	SAIZ	HARGA
1	Spesifikasi keluasan Dataran Stadium Kulim i. Panjang ii. Lebar iii. Keluasan Tapak iv. Jenis Tapak – konkrit Tempoh : 30 HARI (RAMADHAN) Nota : i. Kemudahan fasiliti tandas disediakan ii. Kemudahan tapak parkir di sekitar kawasan iii. Sewaan dataran termasuk kawasan konkrit dan kawasan berumput sekitar dataran (tidak termasuk padang bola) iv. Kawasan sewaan berpagar v. Laluan masuk (Rujuk Lampiran Gambar di tapak)	100 meter 70 meter 7000 meter persegi	
	HARGA TAWARAN		



CADANGAN BAGI SEWAAN TAPAK DATARAN STADIUM KULIM SEMPENA KARNIVAL AIDILFITRI TAHUN 2026

**UNIT PENGURUSAN STADIUM KULIM
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
MAJLIS PERBANDARAN KULIM**

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN


1. Bayaran sewaan Dataran Stadium Kulim hendaklah dijelaskan dalam tempoh 7 hari sebelum tarikh sewaan, jika gagal membuat bayaran dalam masa tersebut maka tempahan akan dibatalkan. Penggunaan Dataran Stadium Kulim hanya berkuatkuasaan selepas semua bayaran dijelaskan. Pembayaran sewaan boleh dibuat di kaunter Majlis Perbandaran Kulim (MPKK).
2. Sebarang tundaan sewaan selewat-lewatnya hendaklah dimaklumkan 14 hari sebelum tarikh digunakan. Jika ada sebarang pindaan atau tundaan atas sebab-sebab yang boleh digunapakai pada hari sewaan maka perkara tersebut hendaklah dimaklumkan 1 (satu) hari selepas tarikh yang sepatutnya digunakan. Sebarang tundaan diatas alasan yang boleh diterima pakai apabila di siasat oleh pihak MPKK akan dibenarkan tundaan.
3. Sebarang tundaan sewaan tanpa sebab atau tanpa kebenaran MPKK adalah tidak dibenarkan.
4. Pihak Pengurusan Stadium Kulim berhak menunda atau membatalkan kebenaran penggunaan Dataran Stadium Kulim dengan tanpa notis sekiranya keadaan memerlukan atau timbul perkara-perkara yang berkaitan dengan keperluan penggunaan stadium oleh pihak pengurusan atau majlis-majlis rasmi.
5. Sebarang kerosakan, kecacatan atau kehilangan peralatan dan kemudahan semasa penggunaan adalah menjadi tanggungjawab penyewa/pengguna untuk memperbaiki atau menggantikannya.
6. Pihak Pengurusan Stadium tidak bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kecurian, kematian dan sebagainya yang dialami oleh pengguna/penyewa atau harta benda pengguna/penyewa sepanjang tempoh penyewaan. Semua aktiviti yang dijalankan adalah tanggungjawab pengguna/penyewa sendiri.
7. Pengguna/penyewa hendaklah mematuhi masa tempahan yang telah ditetapkan. Caj tambahan akan dikenakan sekiranya pengguna/penyewa menggunakan Dataran Stadium Kulim lebih dari masa yang dibenarkan.
8. Pengguna/penyewa tidak dibenarkan mengorek / menggali mana-mana bahagian di kawasan Dataran Stadium Kulim untuk tujuan mendirikan khemah atau sebagainya tanpa kebenaran daripada pihak Pengurusan Stadium Kulim.

- 9.** Tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasan trek, balapan, dan padang stadium kecuali mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pihak Pengurusan Stadium.
- 10.** Talian elektrik tidak dibenarkan disambung keluar daripada kawasan stadium kecuali dengan kebenaran daripada Tuan Yang Dipertua MPKK atau pihak Pengurusan Stadium Kulim.
- 11.** Wang cagaran bagi tujuan sewaan Dataran Stadium Kulim akan dikembalikan apabila pengguna/penyewa telah membersihkan kembali dan memastikan kawasan/tapak sewaan berada dalam keadaan baik dan disahkan oleh pihak pengurusan Stadium Kulim.
- 12.** Peraturan/Syarat dan kadar penggunaan lain yang tidak dinyatakan akan ditentukan oleh pihak Pengurusan Stadium mengikut kesesuaian.
- 13.** Penguatkuasaan serta pengubahsuaian peraturan dan syarat di atas adalah berdasarkan kesesuaian dan budi bicara Pihak Pengurusan Stadium.

Pengguna hendaklah mematuhi segala peraturan yang ditetapkan dan syarat-syarat lain yang akan dikenakan dari semasa ke semasa. Kegagalan mematuhi peraturan boleh menyebabkan tempahan dibatalkan dan wang sewaan tidak dikembalikan.



LAMPIRAN

GAMBARAN KESELURUHAN TAPAK (DRAWING)



LAMPIRAN

CONTOH GAMBARAN DI TAPAK



LAMPIRAN

CONTOH GAMBARAN DI TAPAK

